

PERANAN AGIHAN ZAKAT SEBAGAI ALAT KEWANGAN SOSIAL ISLAM BAGI MELANGSAIKAN HUTANG GOLONGAN AL-GHARIMIN DI MALAYSIA

Mohd Faisol Ibrahim^a & Muhammad Sahrin^{b*}

^a*Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia*

^b*Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – APRIL 18, 2019; REVISED – MAY 9, 2019; ACCEPTED – JUNE 20, 2019)

ABSTRACT

Zakat is an Islamic social financial instrument. Zakat plays a role in creating a just and prosperous society. Zakat money can only be given to eight asnaf namely the poor, poor, amil, muallaf, riqab, al-gharimin, fisabilillah and ibn sabil. The people of al-gharimin are known as those who are indebted to Islam. The increasingly challenging life and the existence of a borderless world has led to high costs of living especially in urban areas. This led to the emergence of some poor and bankrupt Muslim communities. This factor eventually contributed to the existence of the al-gharimin group. The number of debtors in bankruptcy increases each year. Young people contribute relatively high numbers in the case of bankruptcy. The purpose of this study is to analyze the effectiveness of zakat distribution in helping to alleviate al-gharimin debt in Malaysia. The results show that indebtedness among Muslims is inevitable. Most people in Malaysia are indebted to meet basic needs (dharuriyyat) such as debt to buy first car and first house / property. In this regard, the role of the zakat institution in distributing zakat to asnaf al-gharimin is very significant especially in solving the borrower's debt which involves the need for dharuriyyat. Therefore, proper selection of al-gharimin asnaf should be taken into account in order for the zakat to be distributed to them.

ABSTRAK

Zakat merupakan alat kewangan sosial Islam. Zakat berperanan mewujudkan masyarakat yang adil dan sejahtera. Wang zakat hanya boleh diberikan kepada lapan asnaf sahaja iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil. Golongan al-gharimin dikenali sebagai golongan yang berhutang kerana agama Islam. Kehidupan yang semakin mencabar dan wujudnya dunia tanpa sempadan telah menyebabkan kos sara hidup yang tinggi khususnya di kawasan bandar. Ini menyebabkan wujud sebilangan masyarakat Islam yang menjadi miskin dan bankrap. Faktor ini akhirnya menyumbang kepada wujudnya golongan al-gharimin. Bilangan penghutang yang bankrap meningkat setiap tahun. Golongan muda menyumbang angka yang agak tinggi dalam kes kebangkrapan. Golongan muda relatifnya menyumbang kepada bilangan besar kes mufliis. Tujuan kajian ini ialah untuk menganalisis keberkesanan agihan zakat dalam mengengkang keberhutangan al-gharimin di Malaysia. Dapatan menunjukkan keberhutangan dalam kalangan Muslim adalah tidak dapat dielakkan. Lazimnya individu berhutang untuk memenuhi keperluan asas seperti pembelian rumah dan kereta pertama. Dalam hal ini, peranan institusi zakat

* Corresponding author: Mohd Faisol Ibrahim, Faculty of Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.
E-mail: faisol@usim.edu.my

dalam mengagihkan zakat kepada golongan al-gharimin adalah amat signifikan terutamanya dalam mengekang hutang penghutang yang melibatkan keperluan asas bersiat darurat. Oleh itu, pemilihan yang sesuai asnaf al-gharimin perlu diberi penekanan untuk membolehkan agihan zakat dibuat ke atas mereka.

Kata kunci: Zakat, Agihan Zakat, Hutang, Al Gharimin, Malaysia

1. Pengenalan

Keberhutangan merupakan masalah yang agak serius yang dihadapi isi rumah muslim di Malaysia pada masa kini. Berdasarkan laporan Bank Negara Malaysia (BNM), masyarakat Malaysia berhutang sekitar RM940.4 bilion iaitu 87.9 peratus dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2016 dan meningkat kepada 89.1 peratus pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, 56.2 peratus merupakan pinjaman pembelian rumah dan harta tanah untuk kediaman dan bukan kediaman manakala 15.5 peratus bagi pembelian kenderaan dan selebihnya adalah kad kredit, pembiayaan peribadi, sekuriti dan lain-lain (Bank Negara Malaysia, 2017).

Antara faktor yang mempengaruhi peningkatan hutang isi rumah adalah kerana peningkatan harga harta tanah kediaman (Abu Hassan et al., 2016). Aktiviti berhutang ini tidak dapat lagi dielakkan memandangkan keperluan manusia amat sukar dipenuhi tanpa terlibat dalam aktiviti peminjaman. Masalah keberhutangan ini akan menjadi lebih serius jika penghutang tidak dapat menguruskan hutang dengan bijak yang akhirnya boleh menyebabkan kebangkrutan. Seseorang boleh diisytihar mufliis apabila jumlah hutang tidak dibayar sebanyak RM30000 (Akta Kebankrutan 1967). Berdasarkan laporan Jabatan Insolvensi Malaysia, sebanyak 18,457 kes kebangkrutan direkodkan bagi tahun 2016 dan 2017. Hutang pinjaman peribadi dan sewa beli kenderaan mencatatkan kes paling tinggi terutama dalam kalangan generasi muda di Malaysia (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2016). Justeru, penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk menganalisis keberkesanan agihan zakat dalam melangsaikan hutang peminjam yang melibatkan keperluan asas iaitu rumah dan kereta (dharuriyyat) di Malaysia.

Jika dilihat dari segi bahasa zakat boleh diertikan sebagai tumbuh dan bertambah (Ibn Manzur, 1956). Ia juga bererti baik, suci dan subur. Selain itu, ia juga membawa makna pembersihan dan kesuburan, kerana dengan mengeluarkan zakat, maka harta pencarian dan simpanan menjadi bersih dari sesuatu yang haram dimiliki, iaitu hak-hak orang lain yang telah diwajibkan kita untuk mengeluarkannya (Mahmood Zuhdi, 2003). Sebagai contoh golongan fakir di mana mereka mempunyai mata pencarian tetapi tidak dapat memenuhi separuh daripada keperluan asas maka mereka berhak menerima sebahagian daripada zakat harta atau zakat fitrah.

Di dalam ekonomi Islam zakat merupakan instrumen kewangan sosial Islam yang sangat penting bagi membantu golongan-golongan yang telah disenaraikan di dalam al-Quran. Salah satu golongan yang disebutkan iaitu al-gharimin. Al-gharimin merupakan golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak. Menurut Mohd Faisol (2015), golongan yang menerima bantuan zakat akan sentiasa menjalinkan hubungan baik dengan pembayar zakat kerana ikatan persaudaraan yang terjalin melalui zakat ini tidak mungkin terputus ditelan arus zaman. Oleh itu permasalahan hutang al-gharimin ini perlu diselesaikan melalui peranan institusi zakat sebagai sebuah institusi keagamaan yang bertanggungjawab mengutip, menyelia, mengurus dan mengagihkan wang zakat mengikut syariat yang ditetapkan dalam Islam.

2. Sorotan kajian

Banyak kajian telah dilakukan terhadap agihan zakat di Malaysia. Menurut Hairunnizam et al. (2004) telah membincangkan tentang keberkesanan agihan zakat terhadap golongan fakir dan miskin. Menurut kajian tersebut pengagihan zakat terhadap dua golongan tersebut telah memberi impak kepada peningkatan taraf hidup mereka khususnya dalam bidang pendidikan. Namun impak kepada asnaf al-gharimin kurang dibincangkan.

Kajian yang dilakukan oleh Raziah dan Syarifah (2014) pula menyatakan orang yang berhutang atau al-gharimin sememangnya merupakan salah satu asnaf zakat tetapi tidak semua orang yang berhutang berhak menerima zakat bagi membayar hutang-hutangnya kerana tujuan utama individu muflis berhutang dilihat paling penting dalam menentukan kelayakan mereka menerima zakat bagi melunaskan hutang mereka. Tujuan berhutang yang tidak syarie, seperti berbelanja secara boros dan bermewah-mewah menurut hawa nafsu dilihat tidak selari dengan definisi al-gharimin (Raziah & Syarifah, 2014).

Menurut Hasanah et al. (2015) menegaskan bahawa mangsa banjir besar di Kelantan yang menanggung hutang setelah kehilangan rumah dan harta benda dikategorikan sebagai al-gharimin. Manakala kajian lain oleh Hairunnizam et al. (2010) menjelaskan bahawa definisi asnaf al-riqab, al-gharimin dan ibnu sabil perlu diperluaskan bagi menyelesaikan permasalahan berkaitan mengikut konteks semasa dan setempat. Selain itu menurut Mohd Parid (2001) pula menegaskan pengagihan zakat melibatkan pelbagai kaedah dan kesemua kaedah tersebut mestilah mencapai tahap piawaian yang telah ditetapkan agar golongan yang menerimanya akan memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Walaupun terdapat beberapa lagi artikel lain yang membincangkan tentang agihan zakat, namun terdapat sedikit sahaja kajian yang cuba mengupas tentang peranan zakat bagi membantu golongan al-gharimin di Malaysia pada masa sekarang. Oleh itu penulis merasakan tajuk ini penting bagi melihat sejauhmana peranan dan komitmen oleh institusi zakat masa kini di Malaysia mampu membendung dan membantu golongan al-gharimin yang berhutang kerana agama Islam.

3. Metodologi kajian

Kaedah pelaksanaan kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data yang berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan serta memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan peranan zakat bagi membantu melangsaikan hutang golongan al-gharimin di Malaysia. Data ini telah dikumpulkan dan direkodkan oleh pihak lain sebelum wujudnya keperluan untuk melakukan penyelidikan. Maka data sekunder yang telah sedia ada iaitu tidak memerlukan penyelidik menghubungi pegawai yang terlibat untuk mengumpul maklumat. Dalam kajian ini, data mengenai jumlah kutipan zakat diperoleh melalui Laporan Zakat Tahunan (2017) daripada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dan juga daripada laman web rasmi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

4. Hasil dan perbincangan

Golongan berhutang atau al-gharimin merupakan salah satu asnaf yang layak menerima zakat. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Taubah [9] ayat 60 bermaksud,

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Gharimun adalah kata jamak dari gharim iaitu orang yang mempunyai hutang. Mereka yang memiliki hutang sama ada hutang itu untuk diri sendiri atau tujuan lain dengan syarat hutang tersebut digunakan untuk perkara yang baik-baik sahaja. Namun, sekiranya hutang tersebut digunakan untuk kepentingan dirinya sendiri, maka dia dianggap sebagai fakir dan dia tidak berhak untuk mendapatkan sebahagian zakat daripada peruntukan gharim. Hutang yang diterima mestilah adalah hutang untuk membeli keperluan isirumah, perbelanjaan perubatan, perkahwinan atau pun perbelanjaan penggunaan dengan syarat seperti berikut:

1. Benar-benar memerlukan bantuan tersebut untuk melangsaikan hutangnya dan tidak mempunyai sumber lain untuk berbuat demikian.
2. Tujuan hutangnya adalah untuk perkara yang baik dan diharuskan oleh syarak.
3. Hutang tersebut hendaklah telah sampai tempoh matang yang perlu dibayar dengan kadar segera.
4. Orang yang berhutang tersebut ialah orang Islam

Bagi pendapat mazhab Hanafi, seorang yang berhutang ialah orang yang benar-benar memiliki hutang dan tidak memiliki apa-apa selain daripada hutang tersebut. Manakala, mazhab Maliki pula berpendapat orang yang berhutang ialah orang yang dikelilingi hutang sehingga dia tidak mampu untuk melangsaikan hutang tersebut. Tujuan berhutang pula mestilah perkara yang harus atau bertujuan melaksanakan ketaatan kepada Allah. Hutang untuk tujuan maksiat tidak tergolong dalam algharimin. (Al-Qaradawi, 2002).

Selain itu, dia tidak berniat untuk mendapat zakat dengan cara berhutang. Contohnya, orang kaya yang berbelanja secara boros lalu dia berhutang dengan niat untuk mendapatkan bahagian zakat. Golongan seperti ini tidak layak menerima bahagian zakat kerana mempunyai niat yang tidak baik. Berbeza dengan orang fakir yang berhutang demi memenuhi keperluan asasnya dan bukan berhutang semata-mata untuk memperoleh bahagian zakat.

Menurut Imam Malik, Syafie dan Ahmad, orang yang berhutang terbahagi kepada dua golongan iaitu:

1. Orang yang berhutang untuk kemaslahatan dirinya sendiri seperti nafkah, membeli pakaian, melaksanakan perkahwinan, mengubati orang sakit, mendirikan rumah, membeli perabot rumahtangga, mengahwinkan anak atau menggantikan barang orang lain yang dirosakkan kerana kesalahan atau lupa.
2. Orang yang berhutang untuk kemaslahatan masyarakat seperti mendamaikan dua pihak yang bersengketa.

Maksud al-Gharimin Menurut Pandangan Institusi Zakat

Institusi zakat di Malaysia memberikan pentakrifan tersendiri berkaitan al-gharimin. Al-gharimin merupakan golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2016). Manakala dalam Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan:

“Mengikut ulama’ Mazhab Syafi’i dan Hanbali ialah orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain dan sama ada hutang ini bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah). Syarat-syarat terhadap gharimin yang perlu mendapat bantuan adalah seperti berikut:

- a. Pemohon tidak mempunyai harta atau sumber kewangan yang melebihi keperluan asasnya.

- b. Pinjaman yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus.
- c. Wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera.
- d. Wujudnya kemudharatan terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar.
- e. Gharimin yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan asasi seperti kesihatan, pelajaran di peringkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara dan segala hutang untuk meninggikan martabat agama dibantu terus daripada peruntukan asnaf gharimin tanpa melihat kepada jumlah yang ditanggung.
- f. Gharimin yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan selain dari syarat yang disebutkan di atas dibantu dari peruntukan asnaf gharimin secara Qardhul Hasan dan wajib menjalani tempoh pemulihan.

Amalan di negeri Selangor didapati lebih terperinci dalam konteks pengagihan zakat kepada al-gharimin dengan mengenakan syarat tertentu kepada hutang tersebut. Hal ini menunjukkan bukan semua orang berhutang layak menerima agihan zakat di bawah asnaf al-gharimin, tetapi sebaliknya mereka yang sebenarnya dibelenggu hutang untuk keperluan asasi dan terdesak sahaja layak menerima zakat. Malah pengagihannya juga tidak dalam bentuk pemberian secara terus tetapi boleh dalam bentuk pinjaman tanpa riba (*qard al-hasan*). Selain itu, proses pemulihan daripada hutang juga diambil kira. Ini mengelakkan sebarang penyalahgunaan pengagihan hutang oleh penerima zakat yang mungkin sengaja mengambil kesempatan tanpa keperluan yang mendesak.

Jadual 1. Pengagihan zakat al-gharimin di Malaysia

| Negeri-Negeri | Jumlah Kutipan (Rm) | Jumlah Agihan (Rm) | Jumlah Agihan Asnaf Gharimin | Peratusan Agihan (%) | Bilangan Al-gharimin |
|-----------------|-------------------------|-------------------------|------------------------------|----------------------|----------------------|
| Wilayah | 621,414,431.00 | 581,534,222 | 5,939,285.00 | 1.02 | 2,131 |
| Selangor | 757,112,778.00 | NA | 47,817,520.00 | - | NA |
| Kedah | 166,966,730.00 | 151,727,266.44 | 57,082.78 | 0.038 | 24 |
| Pulau Pinang | 101,454,432.72 | 99,372,720.61 | 2,060,313.33 | 2.073 | 234 |
| Pahang | 133,655,623.03 | 126,579,645.03 | NA | - | NA |
| Negeri Sembilan | 124,495,635.45 | 120,021,457.95 | 1,811,298.80 | 1.509 | NA |
| Johor | 282,251,127.46 | 182,251,127.46 | 1,168,190.51 | 0.641 | NA |
| Sabah | 88,318,640.61 | 62,747,937.69 | 1,536,838.95 | 2.249 | 608 |
| Kelantan | 179,303,841.00 | 185,027,240.00 | 41,404.00 | 0.0002 | 56 |
| Melaka | 85,603,863.97 | NA | NA | - | NA |
| Perak | 170,804,873.16 | 150,891,701.00 | NA | - | NA |
| Terengganu | 137,949,523.03 | 183,760,534.93 | 1,870,151.61 | 1.018 | 277 |
| Sarawak | 92,492,168.00 | 50,730,582.00 | 14,615.00 | 0.029 | 8 |
| JUMLAH | 2,623,063,335.79 | 1,894,644,435.11 | 62,316,699.98 | 8.5772 | 3,338 |

Sumber: Laporan Tahunan PPZ (2017) dan LZS (2017).

NA- Data tidak diperolehi

- Peratusan agihan tidak dapat dikira

Jadual 1 menunjukkan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* bagi tahun 2017 oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Pecahan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* oleh institusi zakat di Malaysia adalah antara 0.029 peratus hingga 2.249 peratus daripada jumlah keseluruhan agihan zakat di setiap negeri.

Negeri Selangor melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS) mencatat jumlah agihan zakat terbesar kepada asnaf *al-gharimin* iaitu RM47.8 juta. Ini dikuti oleh Majlis Agama Islam Wilayah melalui Baitulmal dan

Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZPP) yang memperuntukkan agihan dengan jumlah RM5.9 juta dan RM2.07 juta masing-masing. Selain itu, terdapat tiga negeri yang berjaya mengagihkan zakat kepada golongan *al-gharimin* lebih daripada RM1 juta setahun iaitu Majlis Ugama Islam Sabah sebanyak RM1.8 juta, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu sebanyak RM1.87 juta dan juga Majlis Agama Islam Johor sebanyak RM1.16 juta. Negeri Sarawak merupakan negeri yang paling rendah mengagihkan zakat kepada golongan *al-gharimin* melalui Baitulmal Sarawak iaitu hanya RM14,615 sahaja diikuti dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Lembaga Zakat Negeri Kedah dengan agihan berjumlah hanya RM41 ribu dan RM57 ribu masing-masing. Sungguhpun demikian dengan data dan maklumat tersebut membuktikan institusi-institusi zakat di Malaysia telah memainkan peranannya dalam mengagihkan zakat kepada asnaf *al-gharimin*.

Dari sudut peratusan agihan kepada asnaf *al-gharimin* di Malaysia, walaupun jumlah agihan zakat keseluruhan di negeri Sabah adalah yang kedua terendah selepas negeri Sarawak tetapi Majlis Agama Islam Sabah (MAIS) telah mencatat agihan zakat tertinggi kepada asnaf *al-gharimin* iaitu 2.24 peratus daripada keseluruhan jumlah agihan zakat yang berjumlah RM62.7 juta. Ini diikuti pula oleh negeri Pulau Pinang yang mencatat agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* adalah sebanyak 2.07 peratus daripada keseluruhan agihan zakat yang berjumlah RM99.3 juta. Negeri Kelantan dan negeri Sarawak pula merupakan negeri yang paling sedikit mengagihkan bantuan zakat kepada asnaf *al-gharimin* iaitu masing-masing iaitu 0.0002 peratus daripada RM41 ribu keseluruhan agihan zakat di Kelantan dan 0.029 peratus daripada RM50.7 juta jumlah agihan zakat di negeri Sarawak.

Secara umumnya dapatlah dijelaskan bahawa majoriti agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* di setiap negeri di Malaysia adalah kurang daripada 2.5 peratus. Peratusan ini memberi gambaran bahawa bantuan agihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia terhadap asnaf *al-gharimin* di Malaysia masih terlalu kecil jumlahnya. Oleh itu institusi zakat di setiap negeri perlu mengambil inisiatif dengan melipatgandakan usaha agar lebih ramai asnaf *al-gharimin* dapat dibantu. Jumlah peratusan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* di Malaysia hanya 8.5 peratus.

Negeri Wilayah Persekutuan merupakan negeri yang paling ramai bilangan asnaf *al-gharimin* yang mendapat bantuan zakat daripada pihak Baitulmal iaitu seramai 2131 orang walaupun peratusan agihan zakat hanyalah 1.02 peratus daripada jumlah agihan zakat di Wilayah Persekutuan. Negeri Sarawak merupakan negeri yang paling sedikit bilangan asnaf *al-gharimin* yang menerima bantuan zakat iaitu lapan orang sahaja yang mewakili 0.02 peratus daripada jumlah agihan zakat di Sarawak. Ini diikuti pula oleh negeri Kedah yang memperuntukkan agihan zakat kepada 24 orang asnaf *al-gharimin* yang mewakili 0.038 peratus daripada jumlah keseluruhan agihan zakat di Kedah.

Dengan masalah keberhutangan yang agak serius dalam kalangan Muslim sekarang, wajarlah institusi zakat memberi penekanan yang lebih dalam aspek ini bagi meringankan kesusahan Muslim yang dibebani kos sara hidup yang tinggi sehingga tidak mampu membayar hutang. Apatah lagi, jika seseorang itu telah diisytiharkan muflis. Status muflis adalah lebih kritikal berbanding dengan golongan berhutang yang belum diisytiharkan muflis (Raziah & Syarifah, 2014).

Berdasarkan dapatan kajian ini, masalah keberhutangan dilihat merupakan masalah yang kompleks. Ia melibatkan pelbagai faktor meliputi masalah individu, gaya perbelanjaan, tekanan pihak lain dan sebagainya. Masalah yang kompleks memerlukan penyelesaian yang lebih menyeluruh. Berikut adalah beberapa aspek yang harus diberi perhatian oleh institusi zakat, berdasarkan penelitian dan dapatan kajian ini.

1. Membuat kumpulan terhadap keperluan berhutang. Ini berkait rapat dengan keutamaan dari sudut keperluan manusia (*dharuriyyat*, *hajiyyat*, *tahsiniyyat*). Penelitian lanjut perlu

dilakukan terhadap apakah jenis hutang yang layak untuk mendapat bantuan zakat. Ramai yang berhutang dengan alasan yang kurang meyakinkan seperti melakukan umrah. Ini menunjukkan kejahilan dalam mengurus kewangan menjadi punca keberhutangan.

2. Berkolaborasi dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak-pihak berpakaran seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam memberi pendidikan kewangan dan kaedah menguruskan hutang secara bijak. Pendidikan kewangan ini akan membantu golongan berhutang untuk menguruskan hutang mereka dengan kesedaran dan kefahaman yang betul.
3. Memperkasa bantuan bukan secara terus seperti kaunseling. Bantuan sebegini membolehkan pihak institusi zakat lebih memahami situasi dan keperluan sebenar golongan yang berhutang. Ia sekaligus dapat mengelak bantuan zakat diberikan kepada mereka yang kurang tepat.
4. Mengambil kira penyebab utama kepada belunggu hutang. Misalnya, dalam kes membantu ahli keluarga yang merupakan antara faktor tertinggi berhutang. Kes sebegini harus dilihat dengan teliti kerana seolah-olah wujudnya pihak ketiga yang memerlukan bantuan. Kesukaran yang dialami oleh pihak ketiga ini sebenarnya yang menyebabkan pihak lain terpaksa berhutang. Dalam hal ini, orang yang berhutang perlu diberikan penyelesaian segera mengikut agihan asnaf al-gharimin, manakala pihak ketiga turut perlu dibantu agar tidak lagi menyusahkan pihak lain. Sekiranya pihak ketiga ini diabaikan, maka masalah yang sama pasti akan terus berulang.
5. Mewujudkan mekanisma perantara (intermediate) dalam menyelesaikan belunggu hutang seperti pinjaman dalam bentuk qard al-hasan. Sebagai contoh dalam kes hutang/pinjaman pendidikan, institusi zakat perlu memainkan peranan menyelesaikan masalah ini.

Memandangkan mereka yang terlibat dalam hutang ini merupakan golongan muda dan berpotensi besar, maka mereka harus dibantu menyelesaikan masalah terbelunggu hutang pendidikan ini. Institusi zakat boleh memberikan “pinjaman sementara” untuk menyelesaikan hutang tertunggak dengan institusi pinjaman pendidikan seperti PTPTN, ataupun memberikan insentif pendahuluan pembayaran dengan syarat mereka konsisten dalam membayar hutang mereka. Dalam masa yang sama, mereka turut perlu diberikan kesedaran tentang keperluan pembayaran semula “pinjaman sementara” yang berbentuk tanpa faedah ini.

5. Kesimpulan

Islam adalah agama yang adil dan syumul. Islam mendidik penganutnya untuk sentiasa saling membantu dan berlumba dalam melakukan kebajikan. Perintah tolong-menolong dalam perkara kebaikan dirakam melalui firman-Nya di dalam al-Quran yang bermaksud ‘dan hendaklah kamu saling menolong dalam kebajikan dan ketaqwaan’ (al-Maidah, 2). Suruhan umum ini dikhususkan lagi dengan pensyarian amalan kebajikan seperti zakat, hibah, wakaf, dan sedekah. Semua amalan ini secara tidak langsung mengajar umat Islam untuk sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan tidak membiarkan sekelompok masyarakat yang dalam kesusahan tanpa dibantu.

Keberhutangan kalangan isi rumah terutama Muslim merupakan masalah yang serius akhir-akhir ini. Walaupun aktiviti berhutang kalangan Muslim tidak dapat dielakkan, tetapi ia perlu dikawal. Seseorang yang ingin membuat pinjaman perlu mengambil kira tujuan berhutang sama ada untuk memenuhi keperluan asas (dharuriyyat), keperluan biasa (hajiyyat) atau keperluan mewah (tahsiniyyat). Dalam hal ini, peranan institusi zakat dalam mengagihkan zakat asnaf al-gharimin sangat signifikan terutama bagi menyelesaikan hutang peminjam yang melibatkan keperluan asas (dharuriyyat) seperti rumah, kenderaan, perubatan dan pendidikan.

Kajian ini jelas menunjukkan bantuan agihan zakat kepada golongan asnaf al-gharimin sangat kecil dan sedikit. Kadar peratusan yang kecil antara 0.0002 peratus hingga 2.2 peratus telah memberi persepsi yang berbeza di kalangan MAIN dan juga masyarakat Islam di Malaysia khususnya iaitu pertama; peratusan yang kecil ini membuktikan masyarakat Islam ramai yang tidak berhutang, kedua; peratusan yang kecil ini membuktikan ramai masyarakat Islam yang berhutang tetapi hutang yang tidak mengikut keutamaan dalam keperluan hidup manusia, ketiga; kekangan masa dan keupayaan kakitangn MAIN menyebabkan asnaf al-gharimin sukar dikenal pasti, keempat; masyarakat Islam tidak menyedari bahawa terdapat hutang yang layak dilangsaikan oleh wang zakat jika ia memenuhi syarat-syarat tertentu.

Dari sudut institusi, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan badan-badan yang menguruskan harta zakat perlu mempunyai sistem tadbir urus yang baik. Tadbir urus yang tidak baik akan menimbulkan persepsi buruk dalam kalangan masyarakat seterusnya menyebabkan mereka sukar untuk menyumbang dalam zakat. Antara isu dalam tadbir urus adalah berkenaan sistem pengkalan data. Setiap institusi seharusnya menggunakan sistem data yang terkini dalam menyelenggara segala maklumat yang berkaitan. Selain itu, institusi zakat perlu memainkan peranan yang penting dalam memberi kesedaran dan nasihat kepada kesemua orang yang melakukan pinjaman agar lebih bijak dalam menguruskan segala hutang bagi mengelakkan perkara buruk pada masa akan datang.

Kesimpulannya kajian ini sedikit sebanyak memberikan gambaran dalam usaha institusi zakat menyelesaikan masalah hutang golongan al-gharimin di Malaysia. Kajian akan datang perlu dilakukan seperti melihat peranan badan kebajikan bebas dalam usaha memberikan bantuan kepada golongan al-gharimin ini, terutama kepada mereka yang betul-betul memerlukan. Akhir sekali, kajian ini juga dapat menyedarkan masyarakat bahawa zakat al-gharimin hanya diberi kepada orang yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera. Jadi, tidak semua orang yang berhutang layak menerima zakat al-gharimin.

Rujukan

- Abu Hassan Shahari Md Nor, Tamat Sarmidi & Jasni Abu Suffyan Omar. (2016). "Faktor-faktor Peningkatan Beban Hutang Isi Rumah" dalam *Hutang Isi Rumah Malaysia; Cabaran dan Penyelesaian*," ed. Nor Hartini Saari & Mohamad Azhar Hashim, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Azninainie Mohd Ghazi, Sanep Ahmad & Hairurnizam Wahid. (2013). "Analisis Pengurusan Dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan". Prosiding PERKEM I/III, Jilid 3. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013, ms 1291-1301.
- Azrina Sobian & Siti Fatimah Abdul Rahman (2010), *Pinjaman Peribadi, Hasil Kajian Terhadap Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Bank Negara Malaysia (2016), *Financial Stability and Payment Systems Report*.
- Bank Negara Malaysia (2017), *Financial Stability and Payment Systems Report*.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- E-smaf. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/penubuhan. Dicapai pada 20 November 2018.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2004). *Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin*. Dalam *Kertas Kerja Prosiding Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur: KUIM.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Radiah Abdul Kader. (2010). *Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia*. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4 (1), 141–170.
- Hasanah Abd. Khafidz, Siti Fariza Muhammad Faisal, & Irwan Mohd Subri. (2015). *Penggunaan Kaedah Fiqh Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha Dalam Agihan Zakat Untuk Mangsa Banjir*. eProsiding

- Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 1-6. <http://usulifaqihrc.com/eprosiding/wpcontent/uploads/2015/06/HasanahAbdKhafidz.pdf>
- Ibn Manzur, 1956. Lisan al-Arab, j.60, Beirut: Dar Sadir.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2016). Statistik Agihan Zakat Mengikut Negeri. http://intranet.jawhar.gov.my/spmj/public/zkt_agihan_stat.php, dicapai pada 1 Mei 2019.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2016). Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2016.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2017). Laporan Ringkas Aktiviti-aktiviti Agihan Zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Kuala Lumpur: MAIWP.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). Pengurusan Zakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Faisol Ibrahim. (2015). Eksklusif Zakat Pendapatan dan Kaedah Pengiraan, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Parid Shaikh Ahmad. (2001). Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam (edited by Nik Mustapha Nik Hassan) in Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam, Pusat Pungutan Zakat, K Lumpur.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. (2017). Laporan Zakat. Kuala Lumpur: PPZ Wilayah Persekutuan.
- Raziah Md Tahir & Syarifah Md Yusof. (2014). Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin, International Journal of Business and Technopreneurship, Volume 4, No. 3, pp. 477-494.
- Yusuf al-Qaradawi. (2002). Hukum Zakat (Salman Harun, Didin Hafidhuddin & Hasanuddin, Pentj.). Bogor, Indonesia: Pustaka Litera AntarNusa.